

Graduan tidak minat jadi petani

Oleh LILY YEAN
lily.yean@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR - Sebahagian besar golongan muda terutamanya graduan-graduan tidak berminat dalam industri pertanian kerana berpendapat bidang tersebut ketinggalan zaman selain stigma.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob (**gambar**) berkata, ini disebabkan golongan tersebut berpendapat petani merupakan golongan yang miskin dan mundur.



"Menurut statistik Lembaga Pertubuhan Peladang sehingga Disember tahun lalu, sebanyak 45 peratus daripada 826,163 ahli Persatuan Peladang berusia 60 tahun ke atas.

"Hanya 15 peratus atau 123,925 ahli terdiri daripada mereka yang berusia 40 tahun ke bawah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika memberi ucapan pada Majlis Ramah Mesra Bersama Menteri, Minggu Perkasa Putra Pelajar Baharu Semester Pertama Sesi 2013/14 di Dewan Besar Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini semalam.

Turut hadir ialah Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UPM, Prof. Dr. Mohammad Shatar Sabran.

Mengulas lanjut, kata Ismail Sabri, fenomena kekurangan belia dalam bidang pertanian telah didokumentasi dengan baik namun masih kekurangan strategi untuk mengatasi masalah tersebut.

"Tidak dapat dinafikan bahawa terdapat segelintir golongan belia yang berminat tetapi berdepan dengan cabaran seperti sumber kewangan dan tanah pertanian.

"Justeru, kerajaan sedang berusaha menggubal satu dasar yang memberi fokus kepada golongan muda dengan menyediakan persekitaran yang baik kepada me-

reka yang berminat untuk menyertai sektor pertanian," ujarnya.

Selaras dengan matlamat tersebut, tambah Ismail Sabri, kementeriannya telah mengukuhkan program-program berkenaan bagi menyemarakkan lagi penglibatan golongan muda dalam sektor tersebut.

"Dalam pembangunan agropreneur di negara ini, pihak kementerian menyediakan pakej beraspadu yang dapat membantu golongan belia yang ingin melibatkan diri dalam sektor pertanian.

"Pakej tersebut amat diperlukan bagi memastikan pendapatan dan masa depan golongan muda yang terlibat dalam sektor ini lebih terjamin," jelasnya.